



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 7 /2011

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN BAGI PEMBERIAN ELAUN CUTI (PINDAAN)

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan bagi pemberian elaun cuti dan elaun tambang yang dikawal melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 17/1992 di para 11 hingga 16 adalah dipinda seperti berikut:

2. Syarat Kelayakan

- 2.1. Semua pegawai dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan dan *open-vote* yang memenuhi syarat adalah diberi keistimewaan sekali sahaja bagi tiap-tiap **48 bulan** (4 tahun) perkhidmatan apabila dipohonkan, mendapat satu pemberian Elaun Cuti bagi dirinya, isteri/suaminya dan sehingga 4 orang anaknya yang di bawah umur 18 tahun;
- 2.2. Keistimewaan ini adalah juga akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan wanita yang memenuhi syarat bagi dirinya, suaminya dan sehingga 4 orang anaknya yang di bawah umur 18 tahun yang suaminya tidak berkhidmat dengan Kerajaan.

3. Kadar Elaun Cuti

- 3.1 Kadar Elaun Cuti adalah seperti berikut: -

BAHAGIAN DAN SUKATAN GAJI	KADAR ELAUN CUTI BAGI SEORANG		
	ORANG DEWASA DAN UMUR 12 TAHUN KE ATAS	DIBAWAH UMUR 12 TAHUN	DIBAWAH UMUR 2 TAHUN
I. PEGAWAI-PEGAWAI DALAM PERJAWATAN TETAP			
A. Pegawai-pegawai dalam Bahagian I dan II dalam sukatan gaji B3 ke atas atau yang sebanding dengan sukatan gaji B3 ke atas	\$2,500.00	\$1,250.00	\$250.00



-2-

B. Pegawai-pegawai dalam Bahagian II di bawah sukatan gaji B3 atau yang sebanding dengan sukatan gaji di bawah B3 dan Bahagian III yang gaji pokoknya melebihi \$1,930.00 sebulan	\$1,750.00	\$875.00	\$175.00
C. Pegawai-pegawai dalam Bahagian II dan III dengan tidak mengira gaji pokoknya tetapi telah berkhidmat selama 15 tahun berturut-turut	\$1,750.00	\$875.00	\$175.00
D. Pegawai-pegawai dalam Bahagian III yang di bawah 15 tahun perkhidmatan dan Bahagian IV dan V	\$760.00	\$380.00	\$76.00
II. Pegawai-Pegawai Dalam Perkhidmatan Sebulan ke Sebulan dan <i>Open Vote</i>			
E. Pegawai-pegawai dalam sukatan gaji B3 ke atas atau yang sebanding dengan sukatan gaji B3 ke atas	\$1,120.00	\$560.00	\$112.00
F. Pegawai-pegawai di bawah sukatan gaji B3 atau yang sebanding dengan di bawah sukatan gaji B3	\$760.00	\$380.00	\$76.00



-3-

4. Syarat-Syarat Mendapatkan Elaun Cuti

- 4.1 Syarat-syarat untuk mendapatkan Elaun Cuti bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut: -
 - 4.2.1 Tarikh pemberian Elaun Cuti bagi seorang pegawai adalah bermula dari tarikh terakhir dalam tempoh perkhidmatan empat tahun ia diberikan elaun tersebut;
 - 4.2.2 Pemberian Elaun Cuti tidaklah akan diberi bagi seorang anak yang belajar di luar Negara Brunei Darussalam dan yang telah menikmati satu pemberian Tambang Pelajaran;
 - 4.2.3 Jika kedua-dua suami isteri itu berkhidmat dengan Kerajaan, pemberian Elaun Cuti terhad kepada seorang sahaja dan akan diberikan kepada pegawai dalam bahagian yang lebih tinggi atau yang menerima gaji lebih tinggi;
 - 4.2.4 Pegawai-pegawai yang layak diberi Elaun Cuti dibawah peraturan Surat Keliling ini boleh diberikan Elaun Cuti mereka dengan tidak payah ke luar negeri; dan
 - 4.2.5 Tempoh kelayakan pemberian Elaun Cuti akan berubah oleh perkara-perkara yang lazimnya mengganjalkan pemberian Elaun ini.

5. Elaun Tambang

- 5.1. Pemberian Elaun Tambang (perkhidmatan 10 tahun) adalah diteruskan dengan syarat-syarat yang sama tetapi akan ditiadakan pemberiannya bermula dari **1 Januari 2017**.

6. Tarikh Kuatkuasa

- 6.1. Peraturan bagi pemberian Elaun Cuti mula berkuatkuasa pada **1 Januari 2012**;

7. Sebarang pertanyaan hendaklah ditujukan kepada Yang Mulia Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.



-4-

Sekianlah sahaja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“ KELUARGA BAHAGIA HIDUP BERJAYA “

[HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (7) JPM/SK/2011
Tarikh : 17 Syaaban 1432
19 Julai 2011